

Empat Nuri hantar bekalan

KUALA LUMPUR: Empat pesawat Nuri disediakan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi tugas menyelamatkan dan menghantar bekalan makanan kepada mangsa banjir di daerah Klung dan Segamat, Johor, sejak pagi semalam.

Pegawai Perhubungan Awam TUDM, Mejar Zulkifli Abdul Latiff, berkata keempat-empat Nuri iaitu tiga dari Pangkalan Udara Kuala Lumpur dan satu dari Pangkalan Udara Butterworth dengan kekuatan kira-kira 20 anggota dikerahkan ke kedua-dua lokasi yang dilanda banjir itu sejak jam 8 pagi.